

OLEH IDZAN ISMAIL

1982

KUALA LUMPUR, 11 OKT. (BERNAMA) -- ISU-ISU SERANTAU DAN POLITIK YANG MELIBATKAN RANTAU ASIA PASIFIK MERUPAKAN PERKARA PENTING YANG AKAN DIBINCANGKAN DALAM SIDANG SERANTAU KETUA-KETUA KERAJAAN KOMONWEL (CHOGRM) YANG AKAN BERMULA DI SUVA, FIJI KHAMIS INI.

TUJUH BELAS KETUA KERAJAAN DARI RANTAU ASIA PASIFIK YANG HADIRI MESYUARAT ITU DIJANGKA MENILAI KERJASAMA MEREKA DALAM BIDANG PERDAGANGAN, TENAGA, INDUSTRI DAN PERTANIAN.

SUMBER-SUMBER KEMENTERIAN LUAR BERKATA AGENDA BAGI SIDANG LIMA HARI ITU TERBAHAGI KEPADA TIGA PERKARA PENTING, ALIRAN POLITIK DUNIA DAN SERANTAU, ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA DAN KERJASAMA BERFUNGSI.

MENGENAI ALIRAN POLITIK DUNIA, ISU-ISU PENTING YANG DIJANGKA AKAN DIBANGKITKAN IALAH MASALAH KAMPUCHEA, KEADAAN DI ASIA BARAT DAN ISU NAMIBIA.

MALAYSIA DIJANGKA MENGEMUKAKAN ISU KAMPUCHEA DAN AKAN MELAHIRKAN RASA TIDAK PUASHATI TENTANG SIKAP INDIA YANG SERING MEMBUAT KENYATAAN MENYOKONG REJIM HENG SAMRIN DI KAMPUCHEA.

-- LAGI 1608/MB

8584

MAHATHIR - FIJI 2 KUALA LUMPUR

MALAYSIA DENGAN BANTUAN SEBUAH LAGI NEGARA ANGGOTA ASEAN, SINGAPURA, DIJANGKA CUBA MENDAPATKAN SOKONGAN PENUH TERHADAP KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA YANG BARU DITUBUHKAN ITU.

DALAM SIDANG CHOGRM DI NEW DELHI DALAM 1980, KETUA-KETUA KERAJAAN TELAH MENYERU SUPAYA TENTERA-TENTERA ASING DIUNDURKAN DARI NEGARA TERSEBUT DAN MENEKANKAN BETAPA PERLU-NYA DIWUJUDKAN SUASANA AMAN DAN DAMAI DI KAMPUCHEA YANG AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT NEGARA ITU MENENTUKAN MASADEPAN MEREKA BEBAS DARIPADA GANGGUAN LUAR.

DIFAHAMKAN BAHAWA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG HADIRI CHOGRM BUAT KALI PERTAMA AKAN BERTINDAK SEBAGAI PEMIDATO UTAMA MENGENAI KERJASAMA BERFUNGSI DAN SERANTAU.

BELIAU DIJANGKA MENYENTUH ISU-ISU KOMIDITI, DASAR PERLINDUNGAN, PERUNDINGAN MERATA DUNIA DAN PERKARA-PERKARA MENGENAI KEWANGAN DALAM UCAPAN SULUNGNYA.

MEMANDANGKAN DASAR PERLINDUNGAN SEMAKIN BERTAMBAH DI KALANGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG MAJU, MALAYSIA AKAN MENGUSULKAN KERJASAMA YANG LEBIH RAPAT DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT.

INI TERMASUKLAH PEMBANGUNAN DAN PENGEMBANGAN PERDAGANGAN, PELABURAN DAN KERJASAMA PERINDUSTRIAN. -- LAGI 1615/MB

MAHATHIR - FIJI 3 KUALA LUMPUR

MALAYSIA YANG SELAMA INI DISIFATKAN SEBAGAI TERMAJU DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BOLEH MEMBANTU NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG KURANG MAJU. DATUK SERI DR. MAHATHIR DIJANGKA MENEKANKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN TERUYAMA SEKALI NEGARA-NEGARA PASIFIK SELATAN.

KESANGGUPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR HADIRI SIDANG DI FIJI INI ADALAH SATU BUKTI YANG NYATA TENTANG HASRAT NEGARA INI UNTUK MEMPERHEBATKAN LAGI KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN KHUSUSNYA NEGARA-NEGARA PULAU YANG KECIL.

DALAM SIDANG CHOGRM 1980, PERDANA MENTERI KETIKA ITU TUN HUSSEIN ONN TELAH MEMPERKENALKAN PROGRAM BANTUAN TEKNIKAL DAN SEHINGGA INI BEBERAPA NEGARA PASIFIK SELATAN - FIJI, SAMOA SELATAN, PAPUA NEW GUINEA, TONGA, KIRIBATI DAN COOK ISLANDS MENIKMATI FAEDAH DARIPADA PROGRAM TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TIDAK MENGHADIRI SIDANG KETUA-KETUA KERAJAAN KOMENWEL DI MELBOURNE TAHUN LALU KERANA TUGAS-TUGAS DALAM NEGERI.

PADA MASA LALU BELIAU TELAH BEBERAPA KALI MEMBUAT KENYATAAN MERENDAHKAN PERTUBUHAN ITU DENGAN KATA-KATA BAHAWA PERHIMPUNAN BESAR SEPERTI SIDANG KEMUNCIAK TIDAK MENDATANGKAN BANYAK FAEDAH. -- LAGI 1625/MB

MAHATHIR - FTJ 4 KUALA LUMPUR

BELIAU PERNAH BERKATA, "SAYA BOSAN DENGAN PER-SIDANGAN-PERSIDANGAN KOMENWEL YANG LALU KERANA CAKAP SAHAJA YANG BANYAK SEDANGKAN KEPUTUSAN YANG DICAPAI SEDIKIT SAHAJA".

KERAJAAN JUGA MENJELASKAN BAHAWA KOMENWEL MASIH PERLU DIPERLIHARA TETAPI MENEGASKAN PERBINCANGAN TERHADAP MASALAH-MASALAH DI KALANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN KOMENWEL MESTILAH DISUSULI DENGAN TINDAKAN YANG POSITIF.

"TIDAK CUKUP KETUA-KETUA KERAJAAN KOMENWEL SEKADAR BERBINCANG SEBAMA SENDIRI... PERBINCANGAN MEREKA MESTILAH DISUSULI DENGAN TINDAKAN POSITIF".

KENURUT PARA PEMERHATI UCAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SIDANG AKAN DATANG PASTI MENITIKBERATKAN SOAL MENJADIKAN CHOGRM SEBAGAI SEBUAH BADAN YANG PATUT DIHORMATI.

SELAIN MENYEMAK SEMULA KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI DALAM SEKTOR-SEKTOR TERTENTU YANG LALU SIDANG DIFIJI AKAN JUGA MENETAPKAN GARIS-GARIS PANDUAN BAGI KEGIATAN-KEGIATAN MASA-DEPAN.

MEMANDANG INILAH KALI PERTAMA SIDANG ITU DIADAKAN DI SEBUAH NEGARA PASIFIK SELATAN, ISU-ISU MENGENAI PEMBEBASAN DARI PENJAJAHAN, UJIAN-UJIAN NUKLEAR, UNDANG-UNDANG LAUT DAN PERIKANAN MUNGKIN DIBANGKITKAN. -- LAGI 1710/MB

MAHATHIR - FIJI 5 KUALA LUMPUR

YANG MENARIK MINAT ANTARABANGSA DI KEPULAUAN-KEPULAUAN ITU IALAH DAIMENSI LAUTANNYA - IKAN, LOGAM-LOGAM BAWAH LAUT DAN DARI SEGI STRATEJIKNYA.

TARIKAN SUMBER-SUMBER LAUT TELAH MENDORONG KUASA-KUASA BESAR DAN SEPARUH BESAR SANGGUP MENIMBANGKAN RAYUAN SUPAYA DITAMBAH LAGI PEMBERIAN BANTUAN, PELABURAN DAN MUNGKIN JUGA PELUANG MEMASUKI PASARAN-PASARAN YANG DILINDUNGI.

MINAT AMERIKA DI KEPULAUAN-KEPULAUAN ITU BANGKIT SEMULA KERANA PERTIMBANGAN STRATEJIK, JEPUN MAHUKAN IKAN DAN KEGIATAN EKONOMI YANG LAIN SEMENTARA RUSIA PULA MENARUH MINAT ANTARABANGSA DI KEPULAUAN-KEPULAUAN ITU DALAM 1976 BILA IA CUBA BERTAPAK DI SANA TERUTAMA SEKALI DI TONGA.

MALAYSIA SELAKU NEGARA YANG MENGANJURKAN SIDANG MENGENAI DADAH HARAM AKAN MEMBANGKITKAN MASALAH TERSEBUT.

CHOGRM DARIPADA MENJADI SATU FORUM BAGI PARA PEMIMPIN UNTUK BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT MENGENAI PERKEMBANGAN POLITIK DAN EKONOMI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGERATKAN LAGI PERHUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA KOMENWEL DI RANTAU INI.

ROMBONGAN MALAYSIA SERAMAI SEMBILAN ORANG TERMASUK MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE AKAN BERLEPAS KE SUVA ESOK BAGI MENGHADIRI SIDANG TERSEBUT. -- LAGI 1727/MB

MAHATHIR - FIJI 6 KUALA LUMPUR

UPACARA PEMBUKAAN AKAN DIADAKAN DI GIMNASIUM KEBANGSAAN KHAMIS INI SEMENTARA SIDANG ITU AKAN BERLANGSUNG DI GRAND PACIFIC HOTEL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MERAIKAN KETUA-KETUA ROMBONGAN KE PERSIDANGAN ITU DALAM SATU MAJLIS MAKAN TENGAH HARI DI HARI PERTAMA SIDANG.

PARA PEMIMPIN ITU AKAN BEREHAT DI Hujung MINGGU DI SEBUAH PUSAT PELANCONGAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BERBINCANG TANPA DITEMANI OLEH PENASIHAT MASING-MASING.

TEMPAT YANG DIPILIH IALAH PELABUHAN PASIFIK-SEBUAH KAWASAN PELANCONGAN YANG TERLETAK 40KM DARI SUVA.

INI MERUPAKAN SATU TRADISI APABILA PARA PEMIMPIN MEMBINCANGKAN BEBERAPA MASALAH TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEREKA MENGEMUKAKAN PERNYATAAN BERSAMA DI AKHIR PERSIDANGAN KEESOKAN HARINYA. -- BERNAMA 1732/MB